



COPY

MS ISO 9001:2015

Tajuk Prosedur:
**PROSEDUR
PENGURUSAN PAMERAN DAN MAJLIS**

No. Prosedur:
PK(P).DVS.16

DILULUSKAN OLEH:



[Pengarah]

TARIKH KUAT KUASA:
03 JULAI 2019


DOKUMEN TERKAWAL

SENARAI EDARAN

NO SALINAN TERKAWAL		PEMEGANG DOKUMEN
PK(P).DVS.16	(01)	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah
PK(P).DVS.16	(02)	Pegawai Dokumen
PK(P).DVS.16	(03)	Ketua Bahagian [Timbalan Pengarah]
PK(P).DVS.16	(04)	Ketua Seksyen [Penolong Pengarah Seksyen/ Wilayah]
PK(P).DVS.16	(05)	Ketua Unit [Pegawai Penguasa/ Pengurus Ladang]

REKOD PINDAAN

TARIKH PINDAAN	NO.PINDAAN/ NO. KELUARAN	RUJUKAN PINDAAN MUKASURAT TERLIBAT	BUTIR-BUTIR PINDAAN	DILULUSKAN OLEH

	NO. DOKUMEN	PK(P).DVS.16		
	PROSEDUR PENGURUSAN PAMERAN DAN MAJLIS			
	NO. KELUARAN	02	NO. PINDAAN	00

1.0 OBJEKTIF


Prosedur ini menyediakan garis panduan bagi memastikan pengurusan pameran dan majlis dilaksanakan dengan cekap untuk memenuhi keperluan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS).

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan oleh anggota Unit Penerangan dan ICT serta anggota DVS yang lain dalam pengurusan pameran dan majlis.


3.0 RUJUKAN

3.1	MK.DVS.01		MANUAL KUALITI DVS MS ISO 9001:2015
	Klausa 7.5	:	Meklumat Yang Didokumenkan
	Klausa 8.2.1	:	Komunikasi Dengan Pelanggan
	Klausa 8.2.3	:	Semakan Semula Keperluan Berkaitan Perkhidmatan
	Klausa 8.5.1	:	Kawalan Penyampaian Perkhidmatan
	Klausa 9.1.3	:	Kepuasan Pelanggan/Kajian
	Klausa 10.3	:	Penambahbaikan berterusan
	Klausa 10.2	:	Ketidakpatuhan dan Tindakan Pembetulan

	NO. DOKUMEN	PK(P).DVS.16		
	PROSEDUR PENGURUSAN PAMERAN DAN MAJLIS			
	NO. KELUARAN	02	NO. PINDAAN	00


4.0 DEFINISI

4.1	<p>Pameran Merupakan kaedah mempromosi dan menyampaikan maklumat berkaitan industri penternakan dan perkhidmatan veterinar yang disediakan kepada pelanggan.</p>
4.2	<p>Majlis Acara DVS yang melibatkan pengurusan protokol merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seminar/ persidangan/ simposium/ dialog/ bengkel. • Lawatan rasmi dan • Program kesedaran
4.3	<p>Jawatankuasa Induk Pameran/ Majlis Jawatankuasa Induk Pameran/ Majlis (JKIPM) untuk membincang persiapan awal pameran/ majlis, menetapkan konsep, pengisian serta lain-lain perkara penting. JKIPM juga membincang serta menerima/ menambah cadangan JKP. JKIPM dipengerusi oleh Pengarah DVS atau wakil pengurusan yang dilantik dan dianggotai secara tetap oleh anggota Unit Penerangan dan ICT dan ahli silih ganti terdiri daripada anggota DVS yang dilantik dari bahagian/ seksyen/ unit/ wilayah/ daerah dan ladang yang terlibat.</p>
4.4	<p>Jawatankuasa Pelaksana Jawatankuasa Pelaksana (JKP) untuk membincang cadangan rekabentuk gerai, susunatur pameran / majlis, senarai bahan dan peralatan pameran, <i>backdrop</i> dan lain-lain untuk dikemukakan ke mesyuarat JKIPM.</p>
4.5	<p>Bahan Pameran/ Majlis Sebarang maklumat yang dipaparkan dalam bentuk prototaip, model, produk, proses, serta bahan pameran bercetak dan digital untuk memudahkan penyampaian maklumat.</p>
4.6	<p>Peralatan Pameran/ Majlis Sebarang struktur fizikal yang digunakan untuk meletakkan bahan pameran.</p>

	NO. DOKUMEN	PK(P).DVS.16		
	PROSEDUR PENGURUSAN PAMERAN DAN MAJLIS			
	NO. KELUARAN	02	NO. PINDAAN	00

5.0 SINGKATAN

DVS	:	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah
PDVS	:	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah
KBSU	:	Ketua Bahagian/Seksyen/Unit
VO	:	Pegawai Veterinar
RO	:	Pegawai Penyelidik (Research Officer)
AVO	:	Penolong Pegawai Veterinar
SAVO	:	Penolong Pegawai Veterinar Kanan
VA	:	Veterinary Asistant
ICT	:	<i>Information Communication Technology</i>
JKIPM	:	Jawatankuasa Induk Pameran/ Majlis

	NO. DOKUMEN	PK(P).DVS.16		
	PROSEDUR PENGURUSAN PAMERAN DAN MAJLIS			
	NO. KELUARAN	02	NO. PINDAAN	00

6.0 PENGURUSAN RISIKO

6.1 PENYEDIAAN PAMERAN DAN MAJLIS

6.1.1 Perubahan Tarikh

Penundaan dan pembatalan majlis/ pameran.

6.1.2 Faktor Cuaca

Fenomena Banjir, angin kencang, keadaan yang tidak dapat dielakkan.

6.1.3 Penyediaan Bahan Pameran/ Majlis.

- a. Gangguan bekalan elektrik (*Black out*), sebelum dan semasa pameran/ majlis dijalankan.
- b. Kerosakan peralatan alat pandang dengar (*sound system*) sebelum dan semasa pameran/ majlis dijalankan.